KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	BERITA HARIAN			
TARIKH	:	19.03.22	MUKA SURAT	:	18
JABATAN	:	TNB			

CAP gesa batal bekal elektrik pelombong mata wang kripto

Georgetown: Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP) menggesa Tenaga Nasional Berhad (TNB) supaya membatalkan cadangan bagi membekalkan elektrik kepada pengendali pelombong mata wang kripto.

Ini berikutan, ia akan memberi kesan sampingan yang serius terhadap alam sekitar, penggunaan tenaga, dan pemuliharaan.

Presiden CAP, Mohideen Abdul Kader, berkata cadangan bagi membekalkan elektrik kepada pelombong berkenaan itu juga tidak masuk akal kerana ia menggunakan jumlah elektrik yang banyak.



Mohideen Abdul Kader

Katanya, pada asasnya melombong mata wang kripto membabitkan rangkaian mesin khas, dikenali sebagai pelantar perlombongan yang berfungsi selama 24 jam.

"Pelantar dengan tiga kad grafik bagi unit pemprosesan grafik boleh menggunakan 1,000 watt tenaga atau lebih apabila ia beroperasi.

"Ia ibarat mesin basuh yang beroperasi siang dan malam bagi setiap penggunaan pelantar dan untuk melombong mata wang kripto, beratus atau beribu pelantar akan terbabit dalam satu masa.

"CAP berpendapat bahawa melombong mata wang kripto tidak sepatutnya dibenarkan sama sekali," katanya menerusi kenyataan di sini, semalam.

Pada 2018, Jabatan Perangkaan Malaysia menyatakan bahawa penjanaan elektrik negara sebahagian besarnya bergantung kepada arang batu iaitu sebanyak 46 peratus dan gas asli (39.7 peratus).

Ia bermakna, penjanaan elektrik tidak mesra alam sekitar sepenuhnya yang menghasilkan sejumlah besar karbon dioksida, gas rumah hijau serta menyumbang kepada pemanasan global.

Mengulas lanjut, Mohideen berkata, pengeluaran karbon dioksida menurut TNB, dijangka meningkat antara 2018 dan 2023 disebabkan 'tambahan loji penjana elektrik gas dan arang batu yang baharu'.

Dengan itu, pelepasan mutlak juga dijangka meningkat antara 2018 dan 2023, melebihi anggaran karbon.

"Jika ini ramalannya, maka pengeluaran karbon dioksida akan meningkat lebih tinggi sekiranya TNB membenarkan pelombong mata wang kripto bagi memohon secara sah untuk mendapatkan bekalan elektrik.

"Pelantar perlombongan itu sendiri menghasilkan begitu banyak haba dan ini menyumbang kepada pemanasan global, sepertimana amaran kajian, peningkatan suhu lebih daripada 2 darjah celcius akan memberikan kesan bencana yang dahsyat," katanya.